

TANGKIS CUBAAN KOMUNIS DAN PELAMPAU GUNA DEMOKRASI UNTUK MUSNAH DEMOKRASI

PM ajak ahli2 Parlimen ASEAN jadi benteng

KUALA LUMPUR 26 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak ahli - ahli Parlimen ASEAN menjadikan diri mereka sebagai benteng menangkis cubaan pihak komunis dan pelampau menggunakan proses demokrasi untuk memusnahkan sistem demokrasi.

Perdana Menteri berkata, sekalipun proses demokrasi dan Parlimen telah berkembang dengan pesat di negara - negara ASEAN tetapi semuanya masih belum terlepas dari ancaman

anasir - anasir anti - sosial dan mereka yang terpengaruh dengan fahaman asing yang sempit. Beliau menegaskan ahli - ahli Parlimen harus sedar bahawa kestabilan amat penting dan mereka harus memberi sumbangan mengukuhkannya kerana masih banyak lagi yang harus dilakukan untuk membangunkan negara masing - masing. Berucap merasmikan perhimpunan Pertubuhan Antara Parlimen ASEAN (AIPO) Ke-9 di bangunan Parlimen di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata mereka yang sebaliknya bertindak menjejaskan kestabilan dan mengenyepikan kepentingan majoriti boleh dianggap tidak menghiraukan kepentingan negara dan demokrasi. Perhimpunan (AIPO) selama lima hari ini dihadiri oleh 87 ahli Parlimen dari semua negara ASEAN kecuali Brunei (tidak mempunyai

Parlimen) dan 21 orang pemerhati dari Parlimen Eropah, Australia dan Canada. Perdana Menteri berkata, masanya akan tiba bila ancaman - ancaman itu dapat dibendung tetapi buat sementara waktu ahli - ahli Parlimen harus berusaha sedaya - upaya memastikan kestabilan yang diperlukan itu terus dikekalkan. "Proses demokrasi dan Parlimen haruslah menjamin rakyat kita keamanan dan kestabilan yang menjadi hak mereka," tegasnya. Beliau berpendapat pertubuhan anggota Parlimen ASEAN itu harus turut sama memainkan peranan meningkatkan kefahaman mengenai had dan tanggungjawab sistem demokrasi faedah yang diperolehi dari sistem itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan satu sistem itu tidak hanya berfungsi cuma kerana ia satu sistem yang baik tetapi apa yang membuat ia berkesan bergantung kepada mereka yang mengendalikannya.

Menyentuh tentang tindakan ganas Israel ke atas rakyat Palestin kebelakangan ini, beliau meminta pertubuhan itu membincang dan merumuskan syor - syor yang berkenaan mengenainya.